

MENJANA CENDEKIAWAN ISLAM

EDISI KHAS



22 Disember 2010

Permata Insan
*bakal ulangi sejarah
kegemilangan tamadun Islam*

m/s 3

**GALERI
CENDEKIAWAN ISLAM**
m/s 4-5

**Karya Kreatif
Pelajar**

m/s 6


Eksklusif:
*Wawancara bersama
Wakil Pelajar Akademi
Pertama Insan*

m/s 7



**PROGRAM
PERMATA INSAN**

Menjana Cendekiawan Islam



DARI MEJA NAIB CANSOLOR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah Yang Maha Esa di atas rahmat dan hidayahNya, buletin Cendekiawan Islam ini berjaya diterbitkan.

Seiring bermatlamatkan ke arah menjana pemikir Islam yang gemilang, program ini merupakan satu wadah dalam usaha untuk mencungkil bakat kanak-kanak pintar berusia 8 tahun ini agar dapat mengenal pasti kecenderungan dan minat mereka.

Sebagai warisan pendukung kecemerlangan negara di masa hadapan, program ini diharap mampu melahirkan generasi unggul yang berorientasikan al-Quran dan as-Sunnah sebagai pegangan hidup.

Justeru, menjadi harapan kita untuk menyaksikan generasi Permata Insan ini bukan sahaja dapat menghafal al-Quran malah menjadikannya sebagai suatu sumber ilmu yang agung dalam pelbagai bidang agar dapat mengembalikan zaman kegemilangan Islam pada masa lampau.


Akhir kalam, diharap program ini berterusan dari semasa ke semasa sejajar dalam misi untuk melahirkan teknokrat Islam yang mengaplikasikan al-Quran sebagai pegangan hidup demi meneruskan kecemerlangan dan kegemilangan Islam di mata dunia.

Sekian, terima kasih.

PROFESOR DATO' DR. MUHAMAD MUDA

Naib Canselor,
Universiti Sains Islam Malaysia.





Permata Insan bakal ulangi sejarah kegemilangan tamadun Islam

Tamadun Islam pada era kegemilangannya telah melahirkan ramai tokoh-tokoh cendekiawan yang bukan sahaja arif dalam ilmu ukhrawi malahan turut menguasai ilmu sains dan teknologi. Sumbangan tokoh-tokoh Islam unggul seperti Ibnu Sina, Al-Khawarizmi dan Al-Biruni dalam bidang sains, teknologi, matematik dan sebagainya turut dikagumi masyarakat di Eropah dan Barat sehingga mampu menjulang citra tamadun Islam hingga kepuncaknya. Keunggulan dan kecemerlangan ini bakal direalisasikan kembali oleh Program Permata Insan yang diperkenalkan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Program yang membudayakan al-Quran dan as-Sunnah sebagai teras kecemerlangan generasi muda itu bakal melahirkan teknokrat dan pemikir Islam yang mampu membangunkan tradisi keilmuan Islam dan mencetuskan kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi moden pada masa kini.

Namun usaha untuk melahirkan cendekiawan Islam itu bukannya semudah yang disangka, banyak cabaran yang terpaksa dihadapi. Sebagai permulaannya, hanya 48 orang



Bakal-bakal saintis dan teknokrat Islam.

dari seluruh Malaysia yang terpilih sebagai pelajar Program Permata Insan. Buat julung kalinya juga, Program Permata Insan telah mengadakan satu Perkhemahan kepada semua peserta program ini. Perkhemahan itu berlangsung di USIM selama dua minggu bermula dari 11 hingga 24 Disember 2010.


Perkhemahan ini dimuatkan dengan modul-modul yang mampu membina jati diri, insaniah dan daya pemikiran anak-anak Permata Insan. Antaranya termasuklah, Pintar al-Quran dan as-Sunnah, Bahasa Arab, Bahasa Inggeris, Teknologi Maklumat, pemikiran kritis dan kreatif dan juga Mental Arithmetic.

Selain daripada aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam bilik kuliah, anak-anak Permata Insan juga dibawa melawat ke beberapa lokasi menarik seperti Putrajaya, Zoo Negara, dan Petrosains. Aktiviti lawatan ini disusun sebagai sebahagian daripada proses pembelajaran melalui pengalaman yang menyeronokkan bagi mengukuhkan sesi pembelajaran dalam bilik kuliah.

“Junjungan Nabi bersabda semua anak lahir atas fitrah seperti kain putih tanpa ada kekotoran hanya ibu bapa yang mencorakkan.”

GALERI CENDEKIAWAN ISLAM





Karya Kreatif Pelajar Program Permata Insan

Nabil Azri bin saman
Alam semesta bukti keagungan ciptaan Allah!

- 1 Allah maha berkuasa. Planet-planet berputar di sekeliling matahari. Plus planet yang terakhir. Segala planet terletak di atas langit yang berada di landasan orbit masing-masing.
- 2 Semua planet tidak akan terkeluar dari pada landasan orbit, sekiranya mereka terkeluar maka akan berlaku pergeseran dan menyebabkan kerusakan seluruh planet.
- 3 Oleh demikian apabila berlaku pergeseran maka dunia akan hancur dan kiamat. Sekiranya ini planet masih dalam keadaan baik kerana Allah s.w.t.
- 4 Sesungguhnya semua sangat luas dan besar. Oleh itu kita bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana menjaga planet-planet.

Amirah Anisa 2B 8 tahun
Tentang matahari.

Matahari ialah benda yang paling besar di dunia. Matahari ialah benda yang paling besar dari pada bumi dan semesta alam semesta ini. Juga juga benda yang paling panas daripada api yang besar. Apabila lewat piring matahari akan terbakar.

Apabila malam, matahari tidak muncul lagi. Matahari cuma terbit pada waktu pagi sahaja. Matahari ini menya panas seperti api kerana Matahari dicipta oleh Allah s.w.t yang maha esa lagi yang maha penyayang.

Di akhirat nanti, matahari akan berada seperti di kepala kita kalau orang yang berdeha saja.

Matahari berbentuk bulat dan warnanya ialah cren dan kuning.

"Sajikan terima kasih, itu sojalat" *Amirah Anisa*

Shafiqah Group
Tentang Bulan

Bulan ini sangat cantik dan menyinari malam hari. Apabila sudah pagi kita tidak melihatnya lagi dan apabila malam sudah tiba malam bulan pun semakin meninggi. Kawan-kawan Allah sangat pandai mencipta nya, sangat!! cantik bulan itu.


Bulan mengina malam hari seperti lampu yang menyinari kita di rumah.

Yang baik hati

Allah yang Esa

"Itulah akibatnya kalau kita melanggar peraturan Allah s.w.t. Panas! Panas! Panas! Panas! baban orang yang baik."

Nur Shafiqah Natascha
Sajikan terima kasih




Wawancara bersama wakil pelajar Program Permata Insan

Adik Abdul Razzak Khan Bin Rustum Ali Khan

Apakah perasaan adik sekarang setelah terpilih untuk mengikuti program ini dan menjadi peserta kem perkhemahan program Permata Insan?

Saya merasa sangat gembira dan teruja kerana terpilih menyertai program ini. Sebenarnya saya tidak menyangka dapat terpilih dalam program ini, kerana sebelum ini saya amat bersemangat untuk mencuba nasib dalam program Permata Pintar, namun malangnya program itu tidak mengambil pelajar berumur lapan tahun, jadi agak kecewa sedikit, namun selepas itu saya diberitahu tentang Permata Insan ini, dan Alhamdulillah selepas menduduki ujian, saya lulus.



Siapakah yang memberi galakkan kepada adik untuk menyertai Program ini?

Sebenarnya keluarga saya yang banyak memberi dorongan dan kata-kata semangat kepada saya. Tidak lupa juga kepada cikgu yang banyak memberi galakkan dan membantu saya membuat persediaan sebelum menduduki ujian Permata Insan.

Apakah pengalaman yang paling manis adik dapat sepanjang adik berada di kem perkhemahan Permata Insan?

Banyak pengalaman yang saya dapat sepanjang mengikuti program ini, tetapi yang paling menarik adalah lawatan ke Petrosains kerana saya sudah lama teringin untuk ke sana, namun tidak berkesempatan. Di sana terdapat pelbagai permainan yang menarik dan menguji minda saya supaya berfikir secara logik.



Adik Nur Farzana Baharudin

Siapakah idola yang adik paling kagumi?

Selain Rasulullah s.a.w., idola yang paling saya kagumi ialah para sahabat Rasulullah s.a.w. ini kerana para sahabat menjaga Nabi dengan baik dan bersama-sama Nabi untuk memperjuangkan Islam.

Apakah aktiviti di kem perkhemahan Permata Insan ini yang adik rasa sangat berkesan dan ingin mengaplikasikannya di rumah adik nanti?

Antara yang paling memberi kesan kepada saya ialah sembahyang berjemaah dan menghafal al-Quran dengan begitu mudah sekali untuk diingati. InsyaAllah saya akan mengaplikasikannya apabila pulang nanti kerana selama ini, saya banyak solat sendirian dan kurang menghafal al-Quran.

Apakah harapan adik apabila sudah berjaya dalam Program Permata Insan?

Saya ingin membantu Malaysia untuk menjadikan Negara kita sebuah negara Islam yang maju dan Malaysia menjadi rujukan utama negara-negara lain.

Pandangan Mereka

Adik Adam Nabil Rasyad Mohd Rafidi

"Saya berasa seronok dapat mengikuti Kem Permata Insan kerana dapat belajar dengan lebih baik dan lebih mendalam lagi seperti kelas Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab. Selain itu, di sini juga saya dapat jumpa dengan kawan-kawan baru. Harapan saya agar program ini dapat diteruskan lagi pada masa hadapan."



Adik Nurul Aiman Aqilah Hamidon

"Modul paling saya suka adalah Kelas Bahasa Arab kerana saya amat berminat dengan subjek Bahasa Arab. Kakak-kakak dan abang-abang fasilitator juga amat baik melayan karenah kami semua. Harapan saya agar Kem Permata Insan dapat diteruskan lagi."

Adik Nur Syafiqah Natasha Johari

"Seronok kerana banyak modul-modul yang bermanfaat saya perolehi dalam perkhemahan kali ini. Paling seronok saya dapat mencongak dengan lebih cepat setelah mengikuti Kelas Mental Arithmetic."



Adik Ahmad Al-Atif Ahmad Sanusi

"Modul-modul pembelajaran di Kem Permata Insan sangat menyeronokkan dan saya dapat menambah pengetahuan yang luas. Saya berharap agar saya dapat mengikuti program seperti ini pada masa akan datang untuk merealisasikan impian saya menjadi Imam yang berpengetahuan luas."

Adik Amirah Anisha Rashidi

"Berharap agar program seperti ini dapat diteruskan lagi kerana saya dapat mengenali lebih ramai lagi kawan-kawan yang baru dan menimba ilmu pengetahuan. Dapat juga melihat karenah kawan baru yang merajuk, sedih dan sebagainya. Paling menyeronokkan adalah Kelas Bahasa Arab."



Adik Muhammad Ismail Alias

"Antara program yang menarik adalah lawatan ke Zoo Negara kerana saya dapat mengenali segala jenis haiwan yang ada di bumi Allah dengan lebih dekat lagi. Saya juga berharap agar program seperti ini diteruskan lagi untuk mencapai cita-cita saya menjadi seorang Saintis Islam yang hebat pada masa hadapan."